



# Yayasan MyKasih prihatin komuniti



● Barisan tetamu kehormat merakam kenangan bersama beberapa keluarga penerima bantuan selepas pelancaran Program MyKasih Kumpulan AmBank, kelmarin.

SENTUL—Yayasan MyKasih terus menghulur bantuan kepada komuniti memerlukan di sekitar Lembah Klang dengan pelancaran Program Komuniti MyKasih Kumpulan AmBank yang bertemakan 'Sayangi Kawasan KejirananKu' di sini, kelmarin.

Pengerusi Yayasan MyKasih, Ngau Boon Keat berkata, ia adalah inisiatif keempat Yayasan MyKasih selepas pelancaran seumpama itu berlangsung pada awal tahun ini di Selayang, Puchong dan Jinjang.

Katanya, MyKasih adalah program untuk golongan masyarakat yang kurang berkemampuan dan kejayaan program itu menarik minat badan-badan korporat tampil ke hadapan menyertai inisiatif kebajikan berkenaan.

"Selain memberikan subsidi terhadap pembelian barangan keperluan runcit, program ini juga menjayakan kursus kewangan asas serta latihan kemahiran kepada penerima sumbangan.

"Penyumbang korporat kali ini ialah Kumpulan AmBank, yang amanahkan MyKasih dengan sumbangan mereka.

"Rakan kami dari organisasi bukan berasaskan keuntungan di Sentul iaitu Kelab Lions membantu dalam pemilihan keluarga penerima," katanya ketika berucap pada Majlis

Pelancaran program itu, di sini, kelmarin.

Pelancaran Program Komuniti MyKasih Kumpulan AmBank disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif Multimedia Development Corporation (MDeC), Datuk Badlisham Ghazali.

Hadir sama, Pengarah Yayasan MyKasih, Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas dan Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim.

Boon Keat berkata, melalui program itu, sumbangan disalurkan ke akaun MyKasih ibu keluarga penerima sebagai elaun bulanan bagi membolehkan beliau membeli barangan runcit terpilih dengan hanya menggunakan MyKad serta pin yang ditetapkan.

Menurutnya, transaksi amat mudah dan selamat di mana tiada wang tunai bertukar tangan dan keluarga terpilih juga bebas membuat pilihan bagi pembelian mereka berbanding hanya menerima barangan secara sumbangan sebelum ini.

Beliau berkata, pihaknya amat menghargai sokongan diberikan warga korporat terhadap program MyKasih dan yayasan itu berharap agar program terbabit menjadi ilham kepada organisasi lain untuk menyokong serta membantu komuniti di seluruh negara.

Dengan pelancaran Program MyKasih, lebih

200 isi rumah kini menikmati ganjaran program subsidi makanan daripada Yayasan MyKasih.

Sementara itu, Badlisham berkata, program MyKasih adalah titik penghubung dalam membantu warga Malaysia yang kurang berkemampuan melalui kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Katanya, platform itu memberi keyakinan dalam penyampaian bantuan kewangan di mana penggunaan MyKad bagi pembelian makanan akan memastikan bantuan disalurkan kepada penerima yang berhak.

"Ia menarik minat lebih banyak organisasi swasta mengambil bahagian dalam program yang berjaya membuktikan bahawa penggunaan MyKad dan sistem yang dimajukan ePetrol dapat meluputkan proses pengagihan bantuan kewangan yang kurang telus," katanya.

Badlisham berkata, program itu juga berhasrat membasmi kemiskinan melalui penganjuran kursus bijak kewangan dan sesi pembelajaran serta latihan kemahiran bagi peserta dan anak-anak mereka.

MyKasih adalah program tanggungjawab sosial korporat yang disokong Kumpulan Dialog Berhad dan maklumat lanjut boleh didapati melalui laman web [www.mykasih.com](http://www.mykasih.com).

## Ambank sumbang RM50,000

SENTUL — Kumpulan AmBank (AmBank) menyumbangkan sebanyak RM50,000 kepada Program MyKasih bagi membolehkan 50 isi rumah mendapat faedah menerusi bantuan perbelanjaan asas bagi barangan runcit selama setahun.

Pengerusinya, Tan Sri Azman Hashim berkata, di bawah program itu AmBank menyediakan elaun RM20 bagi setiap keluarga setiap minggu untuk membiayai kos barangan makanan asas harian mereka.

Katanya, dengan elaun mingguan itu, semua keluarga terpilih boleh membeli makanan asas seperti beras, gula, tepung, susu dan minyak masak.

"Kami berpuas hati dengan cara penyaluran dana kepada keluarga terpilih yang dimajukan ePetrol Holdings Sdn Bhd kerana dana diterima terus ahli keluarga dalam bentuk barangan yang dibeli di pasaraya Ong Tai Kim (OTK).

"Pengagihannya amat telus dan tiada tanda tanya tentang penyalahgunaan bantuan yang diberikan mana-mana pihak," katanya.

Beliau berkata demikian



**4477 Kami berpuas hati dengan cara penyaluran dana kepada keluarga terpilih yang dimajukan ePetrol Holdings Sdn Bhd kerana dana diterima terus ahli keluarga dalam bentuk barangan yang dibeli di pasaraya Ong Tai Kim (OTK). Pengagihan amat telus dan tiada tanda tanya tentang penyalahgunaan bantuan yang diberikan mana-mana pihak," katanya.**

- Tan Sri Azman Hashim

ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program MyKasih Kumpulan AmBank, di sini, kelmarin.

Menurutnya, program

bijak kewangan di mana keluarga peserta akan menghadiri sesi bersama ahli sukarela yang akan berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam pengurusan kewangan.

"Kami berharap program ini akan dapat membantu golongan terbabit dalam menghadapi masa yang mencabar serta dapat mengkalkulasi cara hidup yang berkemampuan," katanya.

Azman berkata, AmBank terus memainkan peranan dalam menunaikan tanggungjawab sosial korporatnya kepada seluruh komuniti tanpa mengira kaum, bangsa dan agama dengan cara menyumbang kepada usaha kebajikan yang diiktiraf.

Katanya, projek seumpama MyKasih membantu objektif kumpulan perbankan itu menjadi warga korporat yang bertanggungjawab.

"Ia juga memberi peluang kepada kami mengambil bahagian dalam aktiviti sosial yang inovatif di samping membantu mereka yang kurang berkemampuan supaya mereka dapat menikmati faedah sumbangan secara terus, tanpa orang tengah," katanya.



## TULANG BELAKANG

Barisan jawatankuasa yang menjadi tulang belakang bagi menjayakan Program Mekar Muhibah 1Malaysia yang berlangsung di Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Bukit Bintang. Program yang diadakan berjaya melibatkan masyarakat berbilang bangsa di Kuala Lumpur.